



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia


Laporan Program “2K22 Virtual Run 10 KM Challenge UiTM Kampus Mukah 2022”

Disediakan oleh
Tracy Adeline Ajol

Program “2K22 Virtual Run 10 KM Challenge UiTM Kampus Mukah 2022” merupakan satu program larian anjuran mahasiswi Kokurikulum Bola Jaring II (HSK226) UiTM Kampus Mukah Cawangan Sarawak yang telah berlangsung selama 5 hari iaitu bermula 5 Januari 2022 sehingga 9 Januari 2022. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga Kampus UiTM Mukah dan terbahagi kepada 2 kategori iaitu kategori lelaki dan kategori perempuan. Penggunaan aplikasi *Running App-Run Tracker* dan juga *Trekmil* telah digunakan sebagai bukti rekod larian para peserta sepanjang tempoh larian. Bagi kategori Perempuan, Johan telah disandang oleh Magdeline Sween Anak Donny dengan catatan masa 95.67 minit dan Naib Johan pula jatuh kepada Asina Binti Sali. Manakala bagi kategori lelaki pula, Muhammad Farhad Bin Muhammad Said telah menjadi Johan dengan rekod masa 59.11 minit diikuti oleh Muhammad Alvin sebagai Naib Johan. Johan bagi setiap kategori masing-masing menerima hadiah wang tunai RM100 dan bagi Naib Johan pula, hadiah wang tunai adalah sebanyak RM70 beserta sijil.

Antara objektif program ini dianjurkan adalah untuk menggalakkan warga UiTM Kampus Mukah bersenam walaupun negara masih dilanda pandemik COVID-19 bagi menjaga kesihatan mental dan fizikal masing-masing. Kesihatan tubuh badan yang baik dan otak yang cergas sekaligus menyumbang kepada *good quality education* dalam kalangan pelajar khususnya dan juga menjurus kepada budaya kerja yang lebih proaktif serta meningkatkan produktiviti dalam kalangan warga kampus dalam menguruskan tugas harian.

Pengantuan program ini juga merupakan inisiatif untuk menjana pendapatan melalui kutipan yuran penyertaan untuk disumbangkan kepada Tabung *Food Bank* UiTM Kampus Mukah. Hasil kutipan yuran penyertaan telah diserahkan kepada wakil *Food Bank* UiTM Kampus Mukah iaitu Encik Rechmil Remos Anak Jalin. Jesteru, selain menggalakkan warga kampus UiTM Mukah menjalankan aktiviti sihat untuk tubuh badan, peserta turut berpeluang memberi sumbangan kebajikan. Semoga pada masa akan datang, program seperti ini dapat diadakan lagi secara bersemuka pula dengan penyertaan yang lebih ramai dari warga kampus UiTM Mukah bagi menyokong aktiviti sukan di UiTM Cawangan Sarawak yang dikenali sebagai *Sporting Campus*.



Gambar johan dan naib johan kategori lelaki dan perempuan serta penyerahan sumbangan yang dijana untuk Tabung Food Bank UiTM Kampus Mukah